



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN
BIASISWA PASCA-SISWAZAH
KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK



URUSETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM
GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH
KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
1. PENGENALAN	1
2. OBJEKTIF	1
3. SYARAT PERMOHONAN	1
4. KRITERIA PEMILIHAN	2
5. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON	2
6. KADAR BIASISWA	2
7. TEMPOH PENAJAAN BIASISWA	3
8. PENAMATAN PENAJAAN BIASISWA	3
9. CARA MEMOHON	3
10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN	4



URUSETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM

GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

1. PENGENALAN

Biasiswa Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak mula diperkenalkan pada tahun 2022. Biasiswa ini ditawarkan oleh Urusetia Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak, UKM bagi calon pasca-siswazah yang menjalankan penyelidikan berkaitan pembangunan masyarakat Islam di Sarawak.

2. OBJEKTIF

Tujuan biasiswa ini adalah untuk membiayai **SEORANG (1)** calon pasca- siswazah peringkat Doktor Falsafah bagi tahun 2024 khusus dalam bidang yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Islam di Sarawak, seperti:

- i. Keterjaminan Makanan;
- ii. Eko-Pelancongan;
- iii. Tenaga Diperbaharui;
- iv. Pembangunan Wakaf;
- v. Islam & Teknologi Kecerdasan Buatan; **atau**
- vi. Digitalisasi Ilmu & Tamadun Islam.

3. SYARAT PERMOHONAN

3.1 Syarat-Syarat Asas

- a) Biasiswa ini terbuka kepada mana-mana calon yang akan mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah di UKM pada Semester 1, Sesi 2024/2025.
- b) Keutamaan pemberian biasiswa ini adalah untuk anak Negeri Sarawak.
- c) Kajian hendaklah berkaitan dengan Negeri Sarawak dalam bidang-bidang yang dinyatakan pada **Perkara 2 (Objektif)**.
- d) Calon yang berjaya mesti mengikuti pengajian di UKM secara **SEPENUH MASA**.

3.2 Syarat Khusus (Akademik)

- a) Calon memperolehi pencapaian akademik sebagaimana berikut:
 - i. Ijazah Sarjana Muda Kelas Dua Atas atau CGPA/PNGK 3.00 dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf;
 - ii. Ijazah Sarjana dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.



URUSETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM

GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH

KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

- b) Calon dikehendaki untuk melampirkan kertas cadangan penyelidikan sewaktu memohon dan membentangkannya dalam sesi temuduga yang akan diadakan.
- c) Memiliki ciri kepimpinan yang baik, menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan penyelidikan dan aktif dalam kegiatan kemasyarakatan merupakan satu kelebihan.

4. KRITERIA PEMILIHAN

- a) Calon yang layak dan memenuhi syarat umum dan khusus akan ditemu duga oleh panel penilai yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengurusan Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak.
- b) Pemilihan akan dilakukan dengan mengambil kira prestasi semasa sesi temuduga, potensi calon dan kertas cadangan penyelidikan yang akan dikemukakan.
- c) Perakuan daripada panel penilai akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak untuk tujuan kelulusan.
- d) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kursi adalah muktamad.

5. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- a) Pemohon yang tidak memenuhi syarat kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan.
- b) Pemohon yang sedang mengikuti program secara jarak jauh atau separuh masa.
- c) Pemohon yang masih terikat dengan mana-mana badan penajaan.
- d) Pemohon yang telah bekerja tetapi tiada surat pelepasan/kelulusan daripada majikan.

6. KADAR BIASISWA

- a) Biasiswa mencakupi seperti berikut:
 - i. Yuran Pengajian
 - ii. Elaun sara hidup berjumlah RM 2,200.00 sebulan.

7. TEMPOH PENAJAAN BIASISWA

Calon yang berjaya akan ditaja **selama 3 tahun/6 semester** sepanjang pengajian.

8. PENAMATAN PENAJAAN BIASISWA

Calon akan ditamatkan penajaan biasiswa:

- a) Calon tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam Laporan Kemajuan Calon (LKC) yang diisi oleh penyelia secara berkala;
- b) Calon yang menangguhkan pengajian selain daripada faktor kesihatan (dengan perakuan daripada doktor);
- c) Calon yang gagal dalam menyelesaikan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

9. CARA MEMOHON

- a) Permohonan adalah secara dalam talian melalui Google Form <https://forms.gle/UnMYrqt2AtVe4bem6>
- b) Segala dokumen hendaklah disertakan dalam permohonan tersebut, iaitu:
 - i. Resume Pemohon
 - ii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
 - iii. Salinan Sijil Kelahiran Pemohon
 - iv. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
 - v. Salinan Sijil dan Transkrip Ijazah Sarjanamuda
 - vi. Salinan Sijil dan Transkrip Ijazah Sarjana
 - vii. Salinan Surat Tawaran Pengajian ke UKM
 - viii. Kertas Cadangan Penyelidikan
- c) Semua salinan dokumen dan sijil perlu disahkan terlebih dahulu.
- d) Kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat mestilah mengemukakan surat kelulusan daripada Ketua Jabatan masing-masing untuk mengikuti pengajian sama ada bergaji penuh atau separuh gaji.
- e) Sebarang pindaan pada syarat permohonan pada iklan ini, termasuk tarikh tutup permohonan, akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.



URUSETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM
GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH
KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- a) Tarikh tutup permohonan **pada 31 OGOS 2024.**
- b) Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **TIDAK** akan diproses.
- c) Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** atau **TIDAK MEMENUHI** syarat-syarat ditetapkan **TIDAK** akan dipertimbangkan.
- d) Mana-mana permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak Urusetia Kursi Sheikh Othman Sarawak **dalam tempoh SATU (1) BULAN selepas tarikh tutup permohonan dianggap TIDAK BERJAYA.**



URUSETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM
GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH
KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

URUSETIA KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM BANGI SELANGOR
NO. TEL: 03-89214609/3080
NO. FAKS: 03-89213185
EMEL: kursisos@ukm.edu.my
LAMAN SESAWANG: www.ukm.my/kursisos